

Pelarasan tarif baharu bantu industri air lebih mapan

SPAN bekerjasama 12 operator seluruh negara tingkat kualiti perkhidmatan

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Cyberjaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang ditubuhkan pada 2007 berperanan mengawal selia industri perkhidmatan air dengan memfokuskan kepada kualiti perkhidmatan.

Bagi memastikan perkhidmatan ini dapat dilaksanakan mengikut petunjuk prestasi utama, SPAN sentiasa bekerjasama dengan 12 operator di seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan yang turut membabitkan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebagai pihak yang memberi kemudahan kewangan.

Prestasi operator air dikawal selia melalui petunjuk prestasi utama yang merangkumi aspek operasi teknikal dan bukan teknikal berdasarkan pelan perniagaan.

Sebarang penambahbaikan mutu perkhidmatan bekalan air juga memerlukan pelaburan infrastruktur yang agak besar.

Untuk memastikan usaha ini dapat dilaksanakan, pengurusan air yang sebelum ini diuruskan oleh kerajaan negeri perlu memeterai pelan migrasi menerusi pemindahan aset air kepada PAAB.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Mohd Ridhuan Ismail, berkata menjadi tanggungjawab operator air di setiap negeri menaik taraf infrastruktur berkaitan seperti loji rawatan air (LRA) dan empangan supaya selari dengan pembangunan bagi meningkatkan margin simpanan air.

"Bagaimanapun dalam usaha menaik taraf infrastruktur ini, isu utama yang dihadapi oleh operator adalah kedudukan kewangan yang lemah dan tidak mapan sehingga menyebabkan ketidakupayaan operator dalam menjalankan operasi harian mahupun pelaburan infrastruktur secara lebih efisien.

"Keadaan ini berlaku berikutan kadar tarif air yang amat rendah



[FOTO HIASAN]

Infrastruktur Loji Rawatan Air dan empangan perlu dinaik taraf bagi membekalkan air yang mencukupi dan berkualiti secara lestari.

dibandingkan dengan kos operasi yang meningkat naik. Perkara ini seterusnya menjejaskan kualiti dan tahap perkhidmatan yang ditawarkan oleh operator kepada pengguna.

Bekal air cukup, berkualiti

"Rakyat sentiasa menginginkan tarif air yang rendah, tetapi dalam masa yang sama menuntut tahap perkhidmatan yang terbaik. Contohnya, operator sentiasa diminta supaya membekalkan air yang mencukupi dan berkualiti.

"Di samping itu, Kadar Air Tidak Terhasil atau Non Revenue Water (NRW) yang berkait rapat dengan kebocoran paip perlu diatasi dengan segera.

"Disebabkan permintaan meningkat dan sumber air kian tercemar serta jaringan paip yang semakin berkembang tetapi semakin uzur, usaha-usaha untuk memenuhi ekspektasi ini memerlukan perbelanjaan yang sangat tinggi.

"Bagi mengatasi isu ini, kadar tarif air perlu disemak segera untuk membolehkan operator menampung segala kos yang berkaitan, menjadi lebih efisien dalam membekalkan perkhidmatan kepada pengguna dan melangkah ke arah pemulihan kos penuh," katanya kepada BH di Ibu Pejabat SPAN.

Mohd Ridhuan berkata, dengan menaikkan tarif air ia secara langsung akan membolehkan operator melaksanakan perancangan operasi, kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan serta pelaburan infrastruktur secara lebih proaktif,

seperti membaikpulih loji rawatan air yang tidak berfungsi pada tahap optimum dan penggantian paip uzur yang kerap bocor dan pecah.

Perkara ini seterusnya akan dapat memperbaiki tahap dan kualiti perkhidmatan air oleh operator dan memenuhi ekspektasi pengguna.

Bagi Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) yang sudah menandatangani pelan migrasi sejak tiga tahun lalu, kini melalui perkembangan pengurusan yang baik dibawah pembiayaan PAAB.

Ketua Pegawai Eksekutif SAMB, Datuk Ir Mohd Khalid Mohd Nasir, berkata SAMB melalui suatu perkembangan positif.

"SAMB sudah menukar tangki paip baru dan mampu menyelesaikan masalah paip pecah. Malah dibandingkan keadaan 10 tahun lalu, ia amat berbeza.

"Kalau dulu bilangan paip pecah adalah sekitar 3,200 kes setahun, bagaimanapun dengan adanya program penggantian jumlah itu menurun sekitar 200 kes setahun.

"Masalah kekurangan air bersih sudah diatasi dengan pembinaan loji rawatan air yang sekali ganda jumlahnya berbanding sebelum ini," katanya.

Dari segi tarif pula, SAMB sudah menaikannya sejak dua tahun lalu dan kadarnya adalah berbeza dengan mengikut tahap penggunaan.

Bagi pengguna domestik kadar dikenakan adalah lebih rendah berbanding pengguna industri. Untuk rekod, Melaka adalah antara tiga negeri terawal selain Jo-

hor dan Negeri Sembilan yang menandatangani pelan migrasi.

Sejak migrasi, pencapaian SAMB dalam pengurusan bekalan air di negeri Melaka adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.

Antara pencapaian SAMB ialah penurunan kadar NRW dengan ketara daripada 30.1% pada 2008 kepada 19.6% pada 2017 menjadikan Melaka negeri yang mempunyai kadar NRW terendah di negara pada masa ini.

Sementara itu, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) yang mula mengambil alih pengurusan daripada Jabatan Bekalan Air Pahang 2012, kini dalam proses menandatangani migrasi yang akan dilaksanakan tahun hadapan.

Berbanding Melaka yang sudah menaikkan tarif air sejak dua tahun lalu, Pahang masih mengekalkan tarif lama yang diguna pakai sejak 1983.

Jumlah hasil rendah, kos pengurusan meningkat

Antara masalah dihadapi PAIP adalah jumlah hasil yang rendah, sedangkan kos pengurusan semakin meningkat sekali gus menyebabkan defisit tinggi setiap bulan membabitkan jumlah antara RM10 juta hingga RM14 juta.

Pengurus Besar Korporat PAIP, Ir Roslan Abdul Rahman, berkata walaupun Pahang berdepan keangan, mereka masih mampu menunjukkan peningkatan dalam pengurusan.

"Kita juga berdepan dengan gangguan seperti paip pecah berikutan aset yang kita miliki sudah uzur.

"Begitu juga isu kapasiti kualiti air mentah kerana banyak berlaku pencemaran yang menyebabkan kita terpaksa menutup operasi loji.

"Bekalan air yang terputus ini hanyalah bersifat sementara dan kita atasi masalah ini dengan bantuan air yang dihantar menerusi lori tangki," katanya.

Terdapat perbandingan antara kedua-dua negeri ini, Melaka yang menjadi antara tiga negeri terawal yang melakukan migrasi menunjukkan banyak perubahan.

Dengan adanya program pelaksanaan penstrukturan ditambah dengan pelarasan tarif diyakini akan membantu SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air secara lebih mapan di masa akan datang.

Bagi negeri yang sudah menaikkan tarif, kenaikan yang akan dikenakan adalah lebih rendah berbanding negeri yang belum menaikkan tarif air.



Kadar tarif air perlu disemak segera untuk bolehkan operator menampung segala kos yang berkaitan, menjadi lebih efisien bekalkan perkhidmatan kepada pengguna"

Mohd Ridhuan Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif SPAN



Masalah kekurangan air bersih juga diatasi dengan pembinaan loji rawatan air yang sekali ganda jumlahnya berbanding sebelum ini"

Mohd Khalid Mohd Nasir,
Ketua Pegawai Eksekutif SAMB



Antara masalah dihadapi PAIP adalah jumlah hasil yang rendah, sedangkan kos pengurusan semakin meningkat sekali gus menyebabkan defisit tinggi setiap bulan"

Roslan Abdul Rahman,
Pengurus Besar Korporat PAIP

Ketengahkan amalan konsep 5R

Negara tidak akan menghadapi masalah kekurangan air buat masa kini, namun senario berkenaan akan menjadi satu masalah pada masa akan datang sekiranya generasi hari ini tidak meningkatkan kesedaran mereka mengenai betapa berharganya air.

Pengarah Eksekutif Kumpulan, Malaysian Water Association (MWA), Lee Koon Yew berkata, sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO), pihaknya akan terus mainkan peranan dalam menyokong usaha kerajaan memastikan pengurusan air di negara ini lebih efisien.

Menurutnya, dalam setiap forum berkaitan air, pihaknya akan menengahkan amalan konsep 5R iaitu Reduce, Reuse, Recover, Recycle dan Replenish.

"Reduce kita bukan sahaja nak kurangkan pembaziran air, kebocoran paip dan juga kegunaan pengguna dalam penggunaan harian, sebaliknya kita nak cuba usaha perbaiki sistem pengurusan bekalan air.

Kita akan menyokong, mendorong ke arah Reduce. Reuse, kita boleh menggunakan air buangan itu bukan sahaja daripada pemben-



“ Kita bagi tahu nilai airnya. Bukan hanya buka paip, air akan keluar, tapi kena didik mereka bahawa air melibatkan kos yang tinggi untuk merawat, membawa ke rumah kita.” - Koon Yew

tungan, tapi dari rumah kalau kita Reduce kita boleh menyumbang kepada sektor air.

Recover ini satu konsep ambil air kita recover. Ada banyak lagi benda-benda yang bernilai dalam air, nutrien, logam, yang mana kita boleh recover dalam teknologi sekarang... lebih mudah, kos akan lebih menurun.

Daripada recover bahan yang ada nilai kita dapat recycle. Replenish adalah konsep menjaga kawasan tadahan air, umpamanya sungai kita, melindungi baik pulih tanah yang rosak, tasik-tasik, empangan-empangan yang sekarang telah

diceroboh perlu dijaga.

Sebagai sebuah NGO, kita memang memberi penekanan kepentingan air di dalam kehidupan. Kalau sebut pasal air isu yang panas adalah tarif air tapi perlu diketengahkan juga ialah pembangunan mampan sektor air.

Kita tahu sumber air, sumber yang terhad jadi akan ada banyak isu yang terlibat dengan sumber air seperti pencemaran, iklim, dan boleh jadi perkara yang lain.

Sebagai NGO, kena kena lebih dekat dengan stakeholder supaya dapat berikan pendedahan kepentingan air kepada pengguna.

Satu lagi cara ialah supaya kita mengambil tanggungjawab bersama menjaga sumber air kita.

Tukar minda pengguna

Sebenarnya mengenai penggunaan air, saya rasa kita kena tukar minda pengguna.

Satu perkara yang amat susah. Salah satu usahanya ialah untuk program menaikkan kesedaran air. Kita bagi tahu nilai airnya. Bukan hanya buka paip, air akan keluar, tapi kena didik mereka bahawa air melibatkan kos yang tinggi untuk merawat, membawa ke rumah kita.

Jadi dengan pendidikan macam tu kita dapat membuka minda pengguna daripada awal mengenai harga air.

Di Johor, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Melaka telah bertahun-tahun berusaha mendidik khususnya di sekolah, kita bawa mereka pergi ke sungai dan melihat air mentah yang bersih dapat mengurangkan kos rawatan air.

Selain itu, kita juga bagi contoh mengenai penggunaan air dengan apa yang mereka tahu supaya boleh gambarkan.

Supaya mereka sedar penggunaan purata 201 liter sehari air bagi seorang bersamaan dengan 134 botol air 1.5 liter dan penggunaan ini adalah sangat besar.

Jadi sasaran Kementerian, SPAN sangat realistik iaitu mencapai 180 liter air sehari bagi setiap orang.

Kita boleh nampak Pulau Pinang dia punya tarif air amat rendah sekali di negara pada 20 liter pertama. Jadi kita boleh tengok penggunaan air tanpa was-was, di mana Pulau Pinang penggunaan air sebanyak 227 liter bagi setiap orang sehari.

Lebih tinggi dari purata nasional. Pulau Pinang ada buat kemas tarif pada dua tahun lepas dan kita boleh tahu tarif air adalah berkaitan secara langsung dengan penggunaan air.

Melaka, Johor dan Negeri Sembilan bersandarkan rekod-rekod tahun-tahun lepas menunjukkan purata penggunaan air sehari bagi setiap individu menurun pada tahun lepas.

Walaupun sedikit tapi memang efektif. Kita harap dengan tarif air kita dapat kemas kini lagi mungkin instrumen yang boleh mengurangkan penggunaan air di antara banyak negeri," katanya.

Tarif air akan dinaikkan

FOTO: MOHD ZARI ROSLI



Wacana kali ini menampilkan (dari kiri) Ally Iskandar sebagai moderator dan panel Dr Xavier, Mohd Ridhuan dan Koon Yew.

Ada pendapat menyatakan manusia hanya dapat bertahan selama tiga hari tanpa air untuk terus bernyawa. Lebih lama daripada tempoh itu boleh mengakibatkan dihidrasi dan boleh kehilangan nyawa.

Justeru itu, bekalan air bersih sangat diperlukan, malah bukan sahaja dalam kalangan manusia tetapi termasuklah haiwan dan tumbuhan serta menjadi penggerak kepada sumber ekonomi negara.

Namun banyak isu yang boleh ditimbulkan dalam perkara membabitkan air, melibatkan hal pengurusan, kelestarian, pencemaran dan juga termasuklah hal-hal berkaitan tarif yang dicaj oleh kerajaan kepada pengguna.

Bagi mengupas isu berkenaan, Wacana Sinar Harian ke-80 semalam membincangkan tajuk, Konservasi Air: Di Manakah Malaysia? yang menampilkan tiga panel iaitu Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Pengarah Eksekutif Kumpulan Malaysian Water Association (MWA), Lee Koon Yew serta Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Mohd Ridhuan Ismail, dan dikendalikan oleh Penerbit Eksekutif Media Prima, Ally Iskandar Mohd Mardzi sebagai moderator.

Kerajaan berjanji mengenakan tarif air yang munasabah

SHAH ALAM

DALAM usaha untuk memastikan industri air negara sentiasa dalam keadaan baik, kerajaan tidak dapat mengelak daripada menaikkan tarif air negara.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, jika industri air hendak maju tanpa meningkatkan tarif air, kita tidak akan dapat bawa perubahan yang lebih baik.

"Sekarang ada negeri yang sudah 30 tahun tidak dinaikkan tarif air, contoh, Selangor sudah 20 tahun tidak dinaikkan tarif.

Namun, kita juga perlu menerima hakikat bahawa tanpa perbelanjaan kewangan kita tidak boleh melaksanakan industri air pada tahap yang terbaik.

Dalam perkara ini, kita kena ada satu keseimbangan, tarif air akan dinaikkan, walau bagaimanapun, kerajaan berjanji akan mengenakan tarif air yang munasabah.

Kajian menyeluruh sedang dijalankan, tentang tarif air domestik dan juga industri dan SPAN

sekarang telah turun di setiap negeri untuk mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri macam mana perkara ini hendak dilaksanakan.

Dijangka dalam masa enam bulan dari sekarang hasil kajian akan diperolehi dan ketika itu dengan jelas, baru boleh diumumkan tentang kadar kenaikan tarif air.

Dalam masa yang sama, kita kena berterusan mendidik masyarakat agar lebih berhempah dalam penggunaan air.

Jangan sewenang-wenangnya gunakan air macam kita ada banyak air, sekarang negeri-negeri tertentu ada masalah air terawat. Negeri ini tidak mempunyai bekalan air mentah.

Contohnya, Pulau Pinang, kalau kita tak buat sesuatu untuk dapatkan air dari negeri Perak, ia akan ada masalah.

Melaka kalau tak dapat air dari Johor, negeri itu juga akan berhadapan dengan masalah bekalan air.

Tingkatkan kefahaman rakyat

Menaikkan tarif air secara tidak langsung juga adalah untuk kita meningkatkan kefahaman rakyat dalam penggunaan air. Bila dia guna air, dia kena bayar, sekarang dengan ada air percuma (subsidi) orang tak sedar bahawa apa yang dia dapat ni (air)

Menaikkan tarif air secara tidak langsung juga adalah untuk kita meningkatkan kefahaman rakyat dalam penggunaan air." - Xavier

Dia nampak sungai sebagai tempat pembuangan sampah, dia tak nampak sungai itu sebagai satu sumber yang istimewa.

Pencemaran dari kilang, dan saya sekarang hendak caj setiap kilang yang melakukan pembuangan sisa cecair kilang terus ke dalam sungai.

Caj akan dikenakan berdasarkan berapa kapasiti sesebuah kilang melakukan pembuangan sisa ke dalam sungai. Kita akan letak meter di kilang mereka untuk kenal pasti berapa jumlah sisa yang disalurkan ke sungai. Ini bukan sistem baru, negara maju telah ada sistem ini.

Air bawah tanah sebagai sumber baharu

Di Malaysia beberapa cara untuk kita dapat sumber air tapi kita belum guna secara penuh, yang pertama sistem penuaian air hujan kalau kita buat secara mampan dengan kerjasama daripada pelabur kita boleh kurangkan penggunaan air dari 201 liter per hari kepada 180 liter.

Kementerian juga sudah mula pun bekerjasama dengan satu syarikat di mana mereka majukan satu kawasan 1,200 ekar dan saya telah bincang dengan mereka untuk masukkan sistem penuaian air hujan itu dalam pembinaan, dan mereka bersetuju.

Sebab kita kena ingat 196 hari setahun kita ada hujan. Jika kita gunakan sumber itu, kita ada banyak. Kita dah tak perlu sebenarnya guna sumber lain.

Kita juga telah kaji untuk gunakan 'stone water storage' yang ada sekarang. Ini juga cara untuk kita dapatkan sumber air.

Dan kerajaan ada peruntukan untuk gabungkan kedua-dua sistem ini, untuk mendapatkan industri air yang lebih baik.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga sedang mengkaji secara menyeluruh tentang penggunaan air air bawah tanah sebagai sumber baharu air.

Satu kajian bersama pihak-pihak berkaitan sedang dilaksanakan untuk menilai secara holistik, dan di mana kawasan air bawah tanah yang sesuai digunakan.

Negara mempunyai 3 hingga 5 trilion liter air bawah tanah dan setakat ini, hanya Kelantan sahaja yang menggunakan air bawah tanah.

Memang ada yang kata jika kita guna air bawah tanah, akan mengakibatkan mendapan tanah, tapi di negara ini, hujan sepanjang tahun, penggantian air dalam tanah sangat tinggi jadi kita tak ada masalah itu," katanya.

adalah sumber yang terhad.

Saya juga dah arahkan SPAN untuk adakan program pendidikan, bukan sahaja kepada murid sekolah tetapi juga kepada orang dewasa yang mereka fikir bahawa air itu mudah diperolehi, boleh digunakan pada bila-bila masa.

Tahun depan kita akan berhadapan dengan fenomena El Nino, yang mana ia tidak ada jangka masa yang tetap dan itu akan memberi kesan kepada kita.

Jadi kita kena buat persiapan dari sekarang, sebab itu SPAN dan jabatan air telah diarahkan untuk mereka buat kajian dan akan ada satu kertas kerja akan keluar dalam tempoh terdekat.

Pentingnya kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia tentang penggunaan air secara berhempah dan efisien ini. Pada masa yang sama, kita merujuk kepada isu pencemaran dari sumber sekunder.

Pencemaran sumber sekunder air ada pelbagai, antaranya melibatkan hutan simpan kita.

Kalau kita meluluskan pembalakan di kawasan sensitif, memang kita akan berhadapan masalah besar (pencemaran). Jadi melalui kementerian saya telah berbincang dengan kerajaan negeri terutamanya Kelantan, Pahang, Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak.

Kita minta mereka mengurangkan pemberian lesen pembalakan setiap tahun, tapi syarikat pembalakan ini meminta pampasan.

Masalah kerajaan untuk waktu ini, kita belum bersedia untuk beri pampasan. Tapi kita masih boleh cari sumber lain bagi meningkatkan pendapatan negeri masing-masing.

Punca lain pencemaran adalah datang kita sendiri yang mengangap, kalau sungai saya boleh campak apa-apa (sampah).

Tingkatkan kesedaran masyarakat, galakkan penggunaan cekap air

KADAR caj air yang murah menyebabkan rakyat di negara ini sewenang-wenangnya melakukan pembaziran air.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Mohd Ridhuan Ismail berkata, caj air di negara ini masih antara yang terendah sekitar 52 sen setiap meter padu berbanding negara Asean lain yang sudah melepasi RM1.

"Caj air yang rendah ini juga menyebabkan rakyat melihat air ini seolah-olah tiada nilai.

Jika dibandingkan dengan negara Asean lain, kadar caj air di Thailand misalnya, dah melepasi RM1 bagi setiap meter padu, Singapura RM3 lebih, Korea Selatan juga sudah melebihi RM1. Tetapi di negara kita hanya 52 sen.

Ya, kita memang dirahmati dengan bekalan air yang begitu banyak. Bagi negara yang mempunyai bekalan air yang terhad, nilai air itu sudah tentu akan bertambah dan mereka akan menghargai air.

Tetapi di Malaysia, penduduk menikmati bekalan air 24 jam, dengan demikian tidak terasa air itu agak terhad dari segi kuantiti. Dengan air yang begitu banyak, ramai terlupa dengan nilai air itu sendiri.

Malah, berdasarkan kajian, penggunaan air di negara ini adalah yang terting-

gi iaitu 201 perliter bagi setiap orang sehari. Sasaran juga telah diberikan, turunkan sehingga 180 liter menjelang 2020.

Atas sebab itu, kami di SPAN sedang dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan penggunaan cekap air.

Contohnya, kita juga menggalakkan penggunaan produk cekap air dalam bangunan yang baru hendak dibina. Peralatan air seperti pancur, 'shower head', dan sebagainya digunakan secara meluas. Dengan penggunaan tersebut, air akan jimat.

Keduanya, kami sedang dalam usaha menurunkan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) dengan perbelanjaan yang dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kedua-dua aspek itu akan dapat mengurangkan secara purata penggunaan air oleh rakyat. Namun, saya tegaskan ia akan memakan masa. Sebab itu, perkara paling utama ialah pendedahan dan kesedaran terhadap pengguna itu sendiri.

Berbalik kepada penurunan NRW itu, ia sudah tentu akan melibatkan peruntukan yang banyak. Di pihak SPAN, kita telah memperkenalkan pendekatan untuk menurunkan NRW.

Pertama, sekiranya operator air dapat menurunkan sasarannya

pada setiap tahun, mereka akan dapat rebat daripada kerajaan.

Langkah ini akan dijalankan dan saya memang mengharapkan agar ia dapat berjaya, sekali gus menurunkan NRW.

Naikkan tarif IWK

Bagi saya, salah satu punca pencemaran ialah kilang, yang keduanya sudah tentu pengguna domestik. Sisa kumbahan yang tidak dirawat dengan baik berpotensi untuk mencemar air dan akan pergi ke sumber air.

Sekarang ini, kita ada Indah Water Consortium Sdn Bhd (IWK) yang sedang melaksanakan sistem rawatan kumbahan, tetapi kalau kita lihat keadaan syarikat tersebut agak tenat akibat tarif yang masih tidak berubah.

Kadar tarif IWK masih RM2 sebulan bergantung kepada jenis premis dan bagi saya ia masih dalam kategori terendah di dunia. Justeru pelarasan tarif secara berperingkat harus dilaksanakan agar IWK dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Namun, seperti yang saya ulang banyak kali, peranan menjaga kualiti air berada di tangan rakyat. Saya juga menggesa per-

satunya pengguna dapat turut sama membantu menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga air.

Ubah mentaliti rakyat

Sementara itu, SPAN juga dalam usaha untuk menentukan tarif air baharu di negara ini menggunakan beberapa prinsip.

Yang pertama kita akan seragamkan kategori pengguna, kategori domestik, industri dan kategori lain.

Dalam setiap industri juga mempunyai kategori berlainan. Setiap kategori itu ada beberapa pecahan. Kita akan seragamkan bagi setiap negeri dan sudah tentu kadar tarifnya akan berbeza.

Contohnya, jika caj itu tidak dinaikkan sehingga 30 tahun, sudah tentu caj yang akan dinaikkan tinggi sedikit. Tetapi ia hanya tinggi dari segi peratusan, mungkin 40 peratus daripada kadar sedia ada.

Keduanya, bagi negeri yang sudah melakukan kenaikan tarif lima atau enam tahun lepas, kenaikan kemungkinan sedikit kurang.

Pada akhirnya saya berharap agar apa jua langkah yang sedang dilakukan ini akan memberikan impak yang baik terutama mengubah mentaliti rakyat terhadap penggunaan air, sekali gus tidak lagi membazirkan air.



MOHD RIDHUAN

WATER IS LIFE, USE IT WISELY, DON'T WASTE IT

Problems such as shortages, wastage and pollution must be addressed to ensure the UN's SDG 2030 targets are met

MALAYSIA is a country rich in water resources. In 2016, it recorded 907 million cubic meters (m³) of annual rainfall. The average annual rainfall is quite high, between 2,000mm and 4,000mm a year. The abundant quantity of water resources allows us to sell water to neighbouring Singapore.

On providing water to consumers, 95 per cent of the population have access to water. The country's water tariffs are also among the lowest in the world. There is also no limit on the use of water. With the wealth of water resources, it seems impossible that we would face water shortages. But, unfortunately, we do.

Since the 1970s the country has faced several water crises – in 1977 and 1978 in Peninsular Malaysia's northwest; 1982 and 1991 in Kedah and Perlis (the Pedu and Muda Dam), 1998 in Kedah, Penang and Kuala Lumpur (as an impact of the El Nino) and in 2002 drought which affected Perlis and caused a water shortage.

The water crises have led to water rationing and affected the life and wellbeing of many users. In 2014, when there was an unusually dry season, the water rationing lasted for months. In 2016, 85,000 people in Johor faced water rations due to low water levels in water treatment plants.

Malaysia also faces the problem of high non-revenue water



**AZRINA
SOBIAN**

(NRW). This is one of the main causes of water shortage. In 2016, the NRW ratio was at 35.2 per cent. Perlis recorded the highest at 60.7 per cent, while the other states that recorded more than 40 per cent were Sabah (52 per cent), Kelantan (49.4 per cent), Pahang (47.9 per cent) and Kedah (46.7 per cent).

The rates were extremely high compared to Japan (three per cent) or Singapore (five per cent). Mostly, the loss of water occur as a result of pipe leakage and water theft. Household and commercial water users can and should play an active role by reporting the problem to the authorities. Problems such pipe leakage or burst pipe could be resolved sooner if we reported the cases. But, are consumers aware of their roles? Do they make a report immediately, or are they just apathetic?

Consumers have a direct impact on water problems. For example, excessive water contributes to wastage.

Based on the Malaysia Water Industry Guide (2015), the average water consumption per person (water consumption per capita) is 211 litres per day in 2014. Water consumption varies by state – the highest water consumption of 293 litres per capita per day is Penang and the lowest is Sabah (114 litres per capita per day). This is above the World Health Organisation recommended rate of 165 litres per capita per day.

Water consumption among Malaysians is indeed high. Why is

this? Are we not aware of our abundant water resources that we do not appreciate what we have? Is the problem related to the low price of water? Yes, the price of water in Malaysia is among the lowest in the world. Perhaps, that is why Malaysians take it for granted because they do not feel the pinch.

Our water resources are also threatened by pollution, which affect the quality and quantity of the water. If this condition is left unattended, the state of water resources cannot be maintained or sustained.

We have to protect our water resources and water-related ecosystems such as the forests, mountains, wetlands and rivers. Water-related problems must be addressed soon, and for the long term to ensure the water's availability and sustainability. Failing that, we would not be able to meet the United Nations Sustainable Development Goals (SDGs) 2030 target, which is to ensure access to clean water and sanitation for all.

Water conservation is our duty. In Islam, water is a valuable resource and "abusing" it is against the principles of environmental conservation. The principles can be translated into the understanding that Allah created everything in this world which includes water. Water is vital to all forms of life; the destruction of water resources would mean the destruction of other forms of life as well. To protect the life of other creatures, water must be conserved.

If we believe that water is an essential element in maintaining life and is needed for the survival of all of Allah's creations, then we must make efforts to conserve it.

azrina@ikim.gov.my

The writer is a Fellow at the Centre for Science and Environment Studies, Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)

Industri perkhidmatan air perlukan reformasi

→ Kenaikan kadar tarif perlu untuk setanding perkhidmatan taraf dunia

Oleh **Nor Affizar Ibrahim**
affizar@bh.com.my

► **Putrajaya**

Industri perkhidmatan air di negara ini mula mengalami reformasi sejak 2006 lagi dan kini berada pada tahap dan situasi baik di mana Malaysia kini sudah pun melepasi lebih 95.5 peratus dalam memastikan rakyat mendapat bekalan air minuman bersih.

Berbanding sebelum reformasi air dilakukan, industri perkhidmatan air di negara ini diuruskan oleh kerajaan negeri masing-masing dan tanpa penyeragaman dari segi perundangan, kaedah, prosedur serta kawal selia ke atas kecekapan operasi air.

Struktur ini tidak menggalakkan kecekapan operasi dan menyulitkan koordinasi antara agensi kerajaan, sekali gus mengakibatkan tahap perkhidmatan berbeza-beza serta pengurusan bekalan air yang tidak efisien.

Bagaimanapun, selepas reformasi air, perkhidmatan air dipindah dari Senarai Negeri (State List) kepada Senarai Bersama (Concurrent List) dalam Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman, terdapat tiga senarai dalam Perlembagaan Persekutuan. 'Senarai Persekutuan' menyenaraikan perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa Parlimen. 'Senarai Negeri' menyenaraikan perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri. 'Senarai Bersama' menyenaraikan perkara-perkara yang mana Parlimen dan Dewan Undangan Negeri boleh menggubal undang-undang.

Seterusnya dengan penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bagi meletakkan perkhidmatan bekalan air/pembe-

tungan di bawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah AKTA SPAN (Akta 654), Kerajaan Persekutuan berupaya mengawal selia industri perkhidmatan air secara holistik dan menganjak industri ke rejim pelesenan lebih ketat serta memfokuskan pada kualiti perkhidmatan operator.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata bagi memastikan industri perkhidmatan air di negara ini terus menunjukkan prestasi baik dan diurus secara holistik, semua operator diharapkan terus menambah baik prestasi juga tahap perkhidmatan serta memberikan kerjasama sesama operator.

Capai standard antarabangsa

"Kualiti air di negara ini tidak boleh dipertikaikan dan air minuman yang dibekalkan pada masa kini adalah mencapai standard kualiti peringkat antarabangsa. Namun, saya yakin bahawa melalui pengawal seliaan yang ketat dan efisien ke atas operator ianya akan mampu membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan, penyelenggaraan serta dalam menentukan tarif air yang wajar.

"Ini penting supaya wujudnya kefahaman antara satu dengan yang lain maka Kementerian perlukan kerjasama dari semua pihak, lebih-lebih lagi pada waktu ini di mana beberapa negeri sedang berhadapan masalah kekurangan air mentah. Bertitik tolak dari situasi tersebut, Kementerian sudah memulakan perbincangan untuk mewujudkan perkongsian atau integrasi air mentah antara satu negeri dengan yang lain.

"Kita sudah pun mulakan dari Pahang ke Selangor, dan dari Johor ke Melaka. Terkini, kita sedang mengadakan perbincangan melibatkan perkongsian air mentah dari Perak ke Pulau Pinang," katanya.

Xavier berkata, walaupun kebanyakan operator sudah berhijrah ke rejim pelesenan SPAN, proses penambahbaikan mengambil masa bagi beranjak dari permasalahan yang sudah berlarutan sejak beberapa dekad lalu. Untuk rekod, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) adalah antara

yang terawal berhijrah ke rejim pelesenan SPAN, iaitu pada 2008.

Beliau berkata, antara kekangan yang dihadapi oleh operator adalah kedudukan kewangan yang tidak mapan sehingga menyebabkan ketidakupayaan mereka untuk menjalankan operasi harian. Situasi sumber kewangan terhad tersebut turut membantutkan usaha menaik taraf kualiti perkhidmatan melalui pelaburan infrastruktur secara lebih efisien yang memerlukan dana yang besar.

Semak segera kadar air

Katanya, ini berikutan kadar tarif air begitu rendah dibandingkan dengan kos operasi yang makin meningkat naik, sekali gus menjejaskan kualiti dan tahap perkhidmatan ditawarkan oleh operator kepada pengguna. Bagi menanganinya, kadar air perlu disemak segera. Justeru, Kementerian melalui SPAN telah merangka mekanisme penetapan tarif air baharu yang seragam, telus dan adil.

"Kementerian maklum, kadar tarif adalah isu sensitif. Tetapi kita kena ingat, dalam tempoh lebih dua atau tiga dekad ada negeri yang tidak pernah menaikkan tarif air sedangkan perbelanjaan sekarang adalah mengikut harga kos semasa. Ini tidak seiring dan sebab itulah kita kena naikkan tarif air di Malaysia. Di Pahang sebagai contoh, kadar tarif air di negeri tersebut kali terakhir disemak adalah pada 1983.

"Ini akan dilaksanakan tahun depan. Jika kita hendakkan perkhidmatan bertaraf dunia, rakyat perlu bersedia untuk membayar pada harga yang setimpal dengan perkhidmatan yang disediakan. Pada masa sama, syarikat yang terbabit dalam industri air perlu mengkaji dan meneliti, bagaimana mereka boleh kurangkan kos perkhidmatan untuk operasi di loji masing-masing," katanya.

Bagaimanapun, Xavier berkata, kenaikan kadar tarif air adalah tidak sama bagi setiap negeri. Malah, kadar tarif juga tidak boleh diseragamkan pada masa kini kerana senario serta obligasi perbelanjaan dan keperluan yang tidak sama di setiap negeri.

Beliau berkata, antara ciri meka-



Saya yakin bahawa melalui pengawal seliaan yang ketat dan efisien ke atas operator ianya akan mampu membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan, penyelenggaraan serta dalam menentukan tarif air yang wajar"

Dr Xavier Jayakumar,
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

nisme itu, termasuk memastikan kenaikan kadar tarif air dilakukan secara terkawal dan melindungi kepentingan pengguna secara keseluruhan, di samping berupaya meningkatkan keupayaan serta kecekapan operator air selain telus, adil dan mudah difahami.

Buat permulaan, kenaikan tarif air adalah secara berperingkat agar impak ke atas pengguna tidak terlalu ketara. Operator air disarankan untuk menyemak kadar tarif secara berkala untuk memastikan kemapanan kedudukan kewangan mereka dalam memenuhi obligasi kewangan seperti perbelanjaan modal bagi pembinaan infrastruktur yang baru atau pun penambahbaikan serta keperluan operasi harian.

Program jangka panjang

Mengenai infrastruktur, Xavier berkata ada beberapa kawasan yang mengalami kerosakan tertentu dan ini berlaku kerana keuzuran infrastruktur seperti paip yang sudah lama dan belum ditukar.

"Kementerian telah menyediakan program jangka panjang bagi menangani hal ini dan penukaran paip lama ini membabitkan seluruh negara. Malah, sudah ada dana yang diperuntukkan melalui Kementerian dan juga kerajaan negeri masing-masing untuk diguna pakai bagi menggantikan paip yang sudah lama dan bocor.

"Bagi jangka masa pendek hingga sederhana, kedudukan kewangan operator akan dapat diperkukuhkan bagi membolehkan operator melaksanakan perancangan operasi, kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta pelaburan infrastruktur secara berterusan dan proaktif seperti memperbaikipulihan loji rawatan air yang tidak berfungsi pada tahap optimum dan penggantian paip uzur.

"Bagi jangka masa panjang pula, ia akan dapat memperbaiki kemampuan industri sekali gus mencapai pemulihan kos penuh. Ini bukan sahaja memanfaatkan operator dan kerajaan tetapi pengguna juga dapat menikmati kualiti perkhidmatan lebih baik pada masa akan datang," katanya.